

PEMIKIRAN SYEIKH MUHAMMAD KHATIB LANGGIEN'S TENTANG PENDIDIKAN DALAM MANUSKRIP DIYA' AL-WARA DENGAN RUJUKAN KHUSUS ISLAM/IMAN/TAUHID & MA'RIFAH

Nur Fathiah Binti Hasny¹
Aida Syazwani Binti Mustaffa²
Munajatul Uzma Binti Mujibur Rahman³

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: nurfathiah_@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: aidasyazwani@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: munajatuluzma_@raudah.usim.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerokai ilmu yang berkaitan dengan Iman, Islam, Tauhid dan Ma'rifah yang terdapat dalam kitab Diya' al-Wara'. Manuskrip melayu lama ini ditulis oleh Syeikh Muhammad Khatib Langgien yang terkenal pada zaman dahulu hingga kini. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan sumber-sumber tambahan seperti buku, journal, laman sesawang dan penyelidikan saintifik yang mempunyai rujukan yang sahih berkaitan dengan topik yang ada di dalam kitab manuskrip Diya' al-Wara'. Hasil kajian menunjukkan ilmu yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Khatib Langgien dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam untuk mengukuhkan akidah manusia. Kajian ini bermanfaat untuk penyelidik agamawan dan masyarakat untuk di kaji dan di amal kan dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Manuskrip Melayu, Diya' al-Wara', Islam, Iman, Tauhid dan Ma'rifah.

Pengenalan

Manuskrip Melayu sering mengandungi ajaran nilai yang tinggi, etika serta refleksi filosofikal yang diwarisi dari budaya Melayu. Nilai nilai ini merangkumi kehidupan, kebajikan, keadilan, dan keutamaan kepada manusia untuk mencerminkan sebuah falsafah hidup yang mendalam. Begitu juga dengan manuskrip Diya' al-Wara' ini yang mengandungi unsur unsur agama dan spiritualiti, khususnya ajaran Islam, dan nilai-nilai kerohanian. Ini merangkumi doa-doa, nasihat agama, serta cerita berdasarkan sumber-sumber agama Islam. Manuskrip yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Khatib Langgien ini mengandungi pelbagai bahagian tentang aqidah, termasuk Islam, iman, Tauhid (keesaan Allah), dan Ma'rifah (pengetahuan tentang Allah). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan Muhammad Khatib Langgien mengenai pendidikan Islam, Iman serta Tauhid dan Ma'rifah dari perspektifnya. Namun begitu, analisis dan pemeriksaan menyeluruh terhadap tafsiran Syeikh Muhammad Khatib Laggien dan implikasinya masih tidak banyak diketahui. Oleh itu, pernyataan masalah bertujuan untuk menganalisis ilmu yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Khatib Laggien dalam Diya' al-Wara' dan menilai kerelevanan, keselarasan dan kesannya terhadap individu dan masyarakat Islam. Fokus penyelidik dalam kajian ini adalah dengan tujuan untuk mengkaji pandangan

Syeikh Muhammad Khatib Langgien mengenai pendidikan Islam, Iman serta Tauhid dan Ma'rifah dari perspektifnya.

Kajian Literatur


Kajian Manuskrip Melayu

Manuskrip menjadi artifak yang sangat berharga dan penting sebagai warisan budaya bangsa yang sangat berharga. Banyak pihak dan institusi yang bergiat aktif dan berusaha menjaga dan mengumpul naskhah sehingga kini (Atikah Abd. Azam 2012). Naskhah Jawi di Kepulauan Melayu merupakan sumbangan besar dan boleh diambil iktibar dan teladan, bukan sahaja dari sudut pendidikan agama dan budi pekerti, tetapi juga dari segi bahasa, sejarah dan kesusasteraan (Mahayudin Hj Yahaya, 2016). Artikel Manuskrip Melayu Dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal Di Perpustakaan Negara Malaysia memfokuskan manuskrip Melayu dalam bidang pendidikan Islam dan membentangkan kajian awal yang dijalankan di Perpustakaan Negara Malaysia. Ia meneroka peranan manuskrip ini dalam pendidikan Islam, kandungannya, dan implikasi sejarah dan budayanya (Mohd Anuar Mamat, 2017).

Kajian Mengenai Muhammad Khatib Langgien

Seterusnya, biodata mengenai Syeikh Muhammad Khatib Langgien. Nama sebenar Muhammad Khatib Langgien ialah Muhammad bin Khatib, manakala Langgien itu merupakan nama daerah asal kelahiran beliau. Hal ini disebabkan sudah menjadi tradisi orang Aceh, termasuk masyarakat Pidie, menyebutkan lakab seorang ulama dengan nama tempat kelahirannya di belakang nama aslinya (Mohd Anuar Mamat, 2023). Menurutnya lagi, Syeikh Muhammad Khatib Langgien lahir di Cot Meuleuweuk, Gampong Lada, Langgien, Kecamatan Leungputu, Kabupaten Pidie, Aceh pada tahun 1176 H/1762M dan beliau meninggal dunia pada tanggal 19 Zulhijjah 1276H/1859M. Namun, Ali Hasjmy terdahulu menuliskan bahawa beliau wafat pada malam Ahad 19 Zulhijjah 1275H dalam usia 99 tahun dan dimakamkan di Teupin Raya, Pidie, Aceh. Terdapat sedikit perbezaan antara Fakhriati dan Ali Hasjmy, tetapi data terakhir yang diperolehi menjelaskan Syeikh Muhammad Khatib Langgien meninggal dunia pada 1276H/1859M. Di samping itu, Syeikh Muhammad Khatib Langgien adalah pengikut ajaran Sufi yang mematuhi prinsip Ahlu Sunnah wal Jamaah dan mazhab hukum Shafi'i. Beliau juga boleh diklasifikasikan sebagai wakil cendekiawan Sufi bebas pada abad ke-19. Beliau menghasilkan pelbagai karya namun hanya sedikit sahaja karya beliau yang boleh dikesan. Antara karya beliau ialah, *Dawā'u al-Qulūb*, *Mi'rajus Salikin*, *Dhia' Al-Wara'* dan *Bustanus Salikin*. (Khairatunnisak, 2021).

Kajian Manuskrip Diya' al-Wara



Berdasarkan maklumat yang diambil daripada penerangan Perpustakaan Universiti Leiden, Manuskrip Diya' al-wara' ini berkod 7240 dan mengandungi 71 muka surat yang menggunakan Bahasa Melayu-Jawi. Tulisan yang terkandung dalam manuskrip ini terdapat dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu-Jawi. Di samping itu, terdapat juga ayat al-Quran dan Hadis Nabawi yang ditulis dalam manuskrip ini. Antara ayat al quran yang di tulis adalah dari surah Al-Imran ayat 18, surah Al-Anbiya' ayat 22, surah Al-Qalam ayat 44 serta surah-surah yang lain. Manakala hadis nabawi pula tidak diketahui sanadnya sama ada ia hadis sahih ataupun dhaif menurut syarah yang diambil daripada maktabah shamela. Selain itu, manuskrip ini ditulis dengan menggunakan jenis tulisan khat nasakh serta ink yang digunakan dalam penulisan ini adalah bewarna hitam. Selain itu, manuskrip ini tidak terdapat sebarang gambar rajah, atau corak khas sama ada lorekkan, bentuk dan sebagainya. Justeru, manuskrip ini tertulis tajuk pada folio satu rekto iaitu Diya' al-Wara' ila suluki tariqah al ma'budi ula. Mengikut maklumat dari British Library, Diya' al-Wara diterjemahkan sebagai menunjukkan umat manusia ke arah jalan yang paling luhur dari jalan ketuhanan (Khairatunnisak, 2021).

Aspek Islam, Iman, Tauhid dan Ma'rifah

Prinsip-prinsip asas Islam, yang merangkumi kepercayaan Islam yang mendasar, Lima Pilar Islam, tindakan ibadah utama dalam Islam, etika dan moral Islam untuk membimbing Muslim dalam kehidupan harian, fikah yang memperkenalkan asas-asas undang-undang Islam, aspek sosial dan budaya yang menyentuh dimensi sosial dan budaya Islam, dan isu-isu kontemporari (Yusuf Al- Qaradawy, 1995). Menurut Islam, iman adalah pengakuan hati, ucapan lisan dan amalan dengan anggota badan, bahawa iman itu harus dibuktikan dengan amal yang soleh, bahawa menurut Islam amal adalah buah dari iman maka iman seseorang itu harus dibuktikan dengan amal (Rahmad Yulianto, 2017). Iman juga merupakan pokok-pokok keyakinan bagi seorang hamba, seperti menyangkut iman kepada Allah dan Rasul-Nya, iman kepada malaikat-

malaikat-Nya, iman kepada kitab-kitab Rasul, iman kepada adanya hari kebangkitan, serta iman kepada qada "dan qadar. Rukun iman tersebut harus mutlak diyakini bagi seorang muslim (Idrus Habsyi, 2010).

Tauhid ialah satu istilah yang digunakan untuk menyatakan keesaan Allah SWT dari segala sesuatu yang dikhususkan untuk-Nya seperti ketuhanan-Nya, Kebesaan-Nya, dan nama-Nya serta sifat-Nya (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2019). Selanjutnya, pengetahuan tentang Tauhid merangkumi keesaan ilahiah dan terdiri daripada tiga komponen penting: keesaan ibadah (tauhid al-uluhiyyah), keesaan tuhan (tauhid al-rububiyyah), dan keesaan nama dan sifat (tauhid al-asma' wa al-sifat) menurut (Siti Sa'adiah Shafik, 2014). Mana kala, Ma'rifah pula melibatkan pengetahuan tentang sesuatu atau realiti yang praktikalnya mustahil dicapai tanpa hikmah (Mansoureh Ebrahimi, 2021).

Seterusnya, kajian ini menghasilkan beberapa penemuan yang mengesahkan sifat keimanan yang menyeluruh, merangkumi kedua-dua kepercayaan dan tingkah laku, sebagai jalan menuju kehidupan yang baik yang merangkumi kesejahteraan dan gaya hidup sihat. Selain itu, ia menyimpulkan bahawa tauhid dan enam rukun iman, yang merangkumi kepercayaan kepada Tuhan yang satu, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, akhirat, dan takdir dengan baik dan buruk, mempunyai kesan langsung dalam memelihara kesihatan manusia (Saida Hadeef & Abdelali Bey Zekkoub, 2023).

Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan membimbing keseluruhan proses penyelidikan, daripada merumuskan hipotesis kepada mentafsir dan berkongsi keputusan. Ia membantu penyelidik memastikan kebolehpercayaan, kesahihan, dan aspek etika kajian.

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif, iaitu kajian perpustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Kaedah penyelidikan perpustakaan melibatkan pengumpulan teori dan maklumat daripada pelbagai sumber, yang berfungsi sebagai rujukan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan atau menghasilkan kertas ilmiah (Qotrun A, 2021). Penyelidik menjalankan penyelidikan dengan membaca buku, jurnal, artikel dan sumber data penyelidikan lain yang terdapat di perpustakaan secara meluas. Oleh itu, tujuan aktiviti penyelidikan ini adalah untuk mengumpul pelbagai literatur yang akan menyumbang kepada dapatan kajian dan memberi kefahaman yang menyeluruh tentang subjek yang dikaji.

Hasil Kajian

Pemikiran Syeikh Muhammad Khatib Langgien Tentang Pendidikan Dalam Manuskrip Diya' al-Wara Berkaitan Islam/ Iman/ Tauhid & Ma'rifah.

i. Islam

Syeikh Muhammad Khatib Laggien menulis Manuskrip *Diya' al-Wara'*. Tiada kajian sejarah yang berkaitan dengan subjek Islam dalam manuskrip ini. Huraian Syeikh Muhammad Khatib Laggien tentang Islam dalam Kitab *Diya' al-Wara'* akan diperluaskan dalam kajian ini. Analisis karya Syeikh Muhammad Khatib Laggien, *Diya' al-Wara'*, menawarkan pandangan berharga tentang pemahaman dan konseptualisasinya tentang Islam. Dengan meneliti kandungan, tema, dan hujah yang dibentangkan dalam buku tersebut, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pemikiran Syeikh Muhammad Khatib Laggien dan sumbangan beliau terhadap keilmuan Islam.

Walau bagaimanapun, terdapat fakta umum tertentu tentang idea-idea Islam. Yang terbesar adalah Islam, yang dikembangkan di Semenanjung Arab pada abad ketujuh Masihi oleh Nabi Muhammad. Al-Quran, kitab suci Islam, serta perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad yang diceritakan dalam kesusasteraan Hadis menjadi asasnya. Dalam manuskrip *Diya' al-Wara'* ini terdapat beberapa bab-bab kecil di bawah bab Islam. Antaranya ialah bab ahli, bab nafsu, bab marah dan dengki, bab sayang dunia dan harga diri, bab 'ujub dan takabbur, bab riya', bab syaitan, serta bab taubat dan takut.

Melalui analisis menyeluruh tentang *Diya' al-Wara'*, ia juga dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep, prinsip, dan ajaran Islam yang utama seperti yang ditafsir dan dihuraikan oleh Syeikh Muhammad Khatib Laggien. Analisis ini boleh menyumbang kepada badan pengetahuan sedia ada tentang pemikiran Islam, memberikan perspektif dan tafsiran baharu. Secara keseluruhan, cadangan analisis manuskrip *Diya' al-Wara'* oleh Syeikh Muhammad Khatib Laggien berpotensi untuk memperkayakan pemahaman kita tentang pemikiran Islam dan menyumbang kepada wacana ilmiah yang berterusan tentang Islam. Dengan mendalami konsep, hujah dan ajaran yang dibentangkan dalam manuskrip ini, penyelidik boleh memberikan pandangan dan tafsiran yang berharga yang meluaskan pengetahuan kita tentang prinsip Islam dan aplikasi praktikalnya.

ii. Iman

Dapatan kajian ini mendapati bahawa manuskrip ini telah menyatakan konsep Iman dan peranan di dalamnya. Ada juga disebut mengenai sifatnya yang terdiri dari sepuluh sifat iaitu yang pertama ialah taubat, yang kedua adalah خوف yang bermaksud takut. yang ketiga adalah zuhud, yang keempat sabar, yang kelima syukur, yang keenam ikhlas, yang ketujuh tawakkal, yang kelapan mahabbah yang bermaksud cinta. Seterusnya antara sifat Iman yang kesembilan adalah redha, dan sifat iman yang terakhir di dalam manuskrip ini adalah zikr' maut iaitu sifat mengingati kematian.

Selain itu, konsep iman merupakan salah satu ajaran penting dalam Islam. Malah ia telah menjadi garis besar dalam Islam yang terdiri daripada tiga rukun iaitu Aqidah (Rukun Iman), Syariah (Rukun Islam), dan Akhlak (Ihsan) (Nailah Farah &

Intan Fitriya, 2018). Begitu juga dengan istilah utama dalam etika al-Quran ialah Iman, Islam dan Taqwa. Tambahan pula, konsep iman diperluaskan untuk merangkumi tingkah laku dalam kehidupan seharian sebagai panduan kepada umat Islam. Iman juga dapat membentuk keperibadian manusia dalam merealisasikan kehidupan yang memberi manfaat dan tauladan kepada semua umat Islam.

Secara lebih spesifik, analisis dalam manuskrip *Diya' al-Wara* oleh Syeikh Muhammad Khatib Laggien dapat memberikan pemahaman tentang bagaimana iman tidak hanya sebagai keyakinan, tetapi juga sebagai pendorong untuk menghayati prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kesimpulan tersebut mungkin menegaskan bahawa iman bukan hanya suatu kepercayaan, tetapi juga sebuah landasan yang mengilhamkan perilaku seseorang dalam tanggungjawab sosial. Secara lebih perinci analisis ini dapat memberikan pandangan yang berharga dan memperluaskan pengetahuan kita tentang konsep iman dalam manuskrip ini.

iii. Tauhid & Ma'rifah

Setelah dikaji dengan teliti berkenaan pendidikan yang terdapat dalam manuskrip *Diya' al-Wara'* berkaitan Tauhid dan Ma'rifah, Kedua-dua konsep ini sangat berkait rapat dalam pemahaman pendidikan yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Khatib Laggien dalam manuskrip ini. Beliau menerangkan dengan jelas satu per satu isi-isi penting bagi memastikan masyarakat dapat mengaplikasikan ilmu ini dalam kehidupan seharian. Antara isi yang beliau kongsi dalam penulisan ini adalah berkenaan Tauhid iaitu pada pendapatnya, Tauhid itu adalah tiang segala ibadah, tidak sah ibadah seseorang itu jika mereka tidak menitik beratkan ilmu tauhid ini. Hal ini jelas menunjukkan bahwa ilmu Tauhid ini sangat penting untuk dipelajari. Maka, pendidikan yang berorientasi pada tauhid bukan hanya memberikan pengetahuan akademik semata, bahkan ia juga membentuk karakter yang mencerminkan nilai-nilai keislaman.

Selain itu, Tauhid ialah satu istilah yang digunakan untuk menyatakan keesaan Allah SWT dari segala sesuatu yang dikhususkan untuk-Nya seperti ketuhanan-Nya, Kebesaran-Nya, dan nama-Nya serta sifat-Nya (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2019). Pengetahuan tentang Tauhid merangkumi keesaan ilahiah dan terdiri daripada tiga komponen penting: keesaan ibadah (tauhid al-uluhiyyah), keesaan tuhan (tauhid al-rububiyah), dan keesaan nama dan sifat (tauhid al-asma' wa al-sifat) menurut (Siti Sa'adiah Shafik, 2014).

Seterusnya, Ma'rifah melibatkan pengetahuan tentang sesuatu atau realiti yang praktikalnya mustahil dicapai tanpa hikmah (Mansoureh Ebrahimi, 2021). Namun, pada pemikiran Syeikh Muhammad Khatib Laggien tentang Pendidikan ilmu Ma'rifah dalam manuskrip ini pula berkenaan sifat-sifat Allah antaranya adalah Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lillahadis, Qiyamuhu binnafsih serta sifat-sifat lain yang memperkaya dengan pemahaman tentang keesaan dan kebesaran Allah. Penerangan yang komprehensif ini menjadi panduan berharga bagi para pencari ilmu yang ingin mendalami aspek-aspek keilahian dalam kerangka Tauhid dan Ma'rifah.

Dalam Islam, Tauhid dan Ma'rifah saling melengkapi. Tauhid sebagai dasar keyakinan tentang keesaan Allah, sementara ma'rifah merupakan usaha untuk mendalami dan menghayati kebesaran-Nya. Kombinasi keduanya membantu seorang Muslim untuk membina hubungan yang lebih dekat dengan Allah swt serta mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam.

Kesimpulan

Dalam manuskrip *Diya' al-Wara'*, Syeikh Muhammad Khatib Langgien menerangkan bahawa pentingnya pendidikan sebagai wahana untuk mencapai pemahaman yang mendalam tentang Islam, Iman, Tauhid, dan Ma'rifah. Manakala, pendidikan pada pandangan beliau bukan hanya sekadar pengetahuan semata, bahkan merupakan perjalanan ke arah kesedaran diri dan pengenalan terhadap keesaan Allah.

Melalui analisis menyeluruh tentang *Diya' al-Wara'*, pengkaji dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep, prinsip, dan ajaran Islam yang utama seperti yang ditafsir dan dihuraikan oleh Syeikh Muhammad Khatib Langgien. Analisis ini boleh menyumbang kepada badan pengetahuan sedia ada tentang pemikiran masyarakat, memberikan perspektif dan tafsiran baharu. Secara keseluruhan, cadangan analisis *Diya' al-Wara'* oleh Syeikh Muhammad Khatib Langgien berpotensi untuk memperkayakan pemahaman masyarakat tentang pemikiran Islam, iman, tauhid dan makrifah serta menyumbang kepada wacana ilmiah yang berterusan serta mendalami konsep, hujah dan ajaran yang dibentangkan dalam manuskrip ini. Penyelidik boleh memberikan pandangan dan tafsiran yang berharga serta meluaskan pengetahuan masyarakat tentang prinsip agama.

Rujukan

- Khairatunnisak, 2021, Naskah *Dawā'u al-Qulūb* karya Muhammad Khatib Langgien (Suntingan Teks dan Telaah Ide Sentral). Retrieved from: <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/21061/1/Khairatunnisak%2C%20170501040%2C%20FAH%2C%20SKI%2C%2008223%204169060.pdf>.
- Mamat, M. A. (2017). *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Mohd, H., & Yusoff, Z. M. (2022). [Study Of The Malay Manuscript In Islamic Studies At Universiti Sultan Zainal Abidin Between Reality And Challenge] *Kajian Manuskrip Sastera Kitab Di Universiti Sultan Zainal Abidin Antara Realiti Dan Cabaran*. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 217-228. <https://tdy.lol/dpKWp>.

- Mahayudin Yahaya, 2016, *The Jawi Manuscript: Its History, Role, and Function in the Malay Archipelago*. Mansoureh Ebrahimi, 2021, *Al-Ghazali's Ma'rifah and Mahabbah's Relations*.
- Mohd Said Ishak, 2002, *Konsep Iman dan Kufur: Perbandingan Perspektif antara Aliran Teologi*. *Jurnal Teknologi*, 61-64. Retrieved from: [KONSEP-IMAN-DAN-KUFUR-PERBANDINGAN- PERSPEKTIF.pdf \(iain-asiq.ac.id\)](#).
- Makmur Haji Harun, Firman & Muhammad Yafri Yahya (2016). *Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*. OUM.
Nailah Farah, Intan Fitriya, 2018, *Konsep Iman, Islam dan Taqwa*. Retrieved from: <https://doi.org/10.24239/rsy.v14i2.349>
- Nik Muhammad Syukri Nik Wan, 2015, [The Concept of Increasing and Reducing Faith According to The Islamic Perspective] *Konsep Bertambah dan Berkurang Iman Menurut Perspektif Islam*. Retrieved from: <https://www.proquest.com/openview/c6da861b94a40df9aff3ab4981865065/1?pq-origsite=gscholar&cbl=4827496>
- Rahmad Yulianto, 2017, *Iman dan Penterapannya dalam Perspektif Islam dan Protestan*. Al-Hikmah.
- Siti Sa'adiyah Shafik, 2014, *Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam*. Retrieved from: <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/48>
- Solihun Azim, 2022, *Konsep Iman Dalam Agama Islam Dan Katolik*. Retrieved from: <https://doi.org/10.55606/jurrafi.v1i2.196>
- Yusuf Al-Qaradawy. 1995. *Introduction to Islam*. Islamic INC.
- Zahidah, Z., Noorhidawati, A., & Zainab, A. N. (2011). Exploring the needs of Malay manuscript studies community for an e-learning platform. *Malaysian Journal of Library & Information Science*. <https://tdy.lol/SjxBT>.
- Zakaria Mustaffa. 2012. *Penyelidikan manuskrip Melayu berunsurkan keislaman*.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2019, *Tauhid Menurut Imam al-Ghazali*. Retrieved from: <https://maktabahalbakri.com/tauhid-menurut-imam-al-ghazali>.